



**MEMO**  
**JABATAN AUDIT DALAM NEGERI SABAH**  
**BAHAGIAN OPERASI**



**Rujukan : JAD:100-4/2/1( 32 )**

**Tarikh : 02 Mei 2025**

**Kepada : SEMUA BAHAGIAN DAN UNIT**

**Perkara : ARAHAN DALAMAN MENGENAI KAWALAN PERBELANJAAN DAN PERJALANAN URUSAN RASMI KERAJAAN**

Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Bil.1/2025 bertarikh 25 April 2025 telah bersetuju dengan ketetapan seperti berikut:

- i. **Memorandum Perancangan Audit (MPA) yang telah diluluskan oleh Pengarah, hendaklah dihantar satu salinan kepada Bahagian Akaun;**
- ii. **Pihak Pengurusan dan Pegawai Kanan sahaja dibenarkan untuk menaiki kapal terbang bagi tujuan pengauditan di luar daerah;**
- iii. **Bagi menghadiri mesyuarat di luar daerah pertimbangan akan diberikan kepada pegawai-pegawai untuk menaiki kapal terbang; dan**
- iv. **Pegawai yang melaksanakan pengauditan di luar daerah tidak dibenarkan untuk membawa kenderaan sendiri semasa tempoh pengauditan dilaksanakan kecuali mendapat kebenaran daripada Pengarah.**

3. Sehubungan dengan itu diharap Ketua-Ketua Bahagian dan Unit dapat memastikan ketetapan yang dinyatakan dipatuhi.

Sekian dan terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ANNE @ JANET VENANTIUS C.A (M))**  
Pengarah

fnh/..

**"SABAH MAJU JAYA"**  
*"Audit Berkualiti dan Profesional"*